

# PAMECIL CAPSULES

Ampicillin trihydrate (250mg, 500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan PAMECIL
2. Bagaimana PAMECIL berfungsi
3. Sebelum menggunakan PAMECIL
4. Cara menggunakan PAMECIL
5. Semasa menggunakan PAMECIL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PAMECIL
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan PAMECIL

Ampicillin trihydrate tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antibiotic penisilin. Ia digunakan untuk membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan pada badan anda.

## Bagaimana PAMECIL berfungsi

Bahan aktif dalam kapsul anda adalah ampicillin trihydrate. Ia berfungsi dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan PAMECIL

### - Bila tidak boleh menggunakan

Janagan mengambil PAMECIL jika anda:

- mempunyai alahan terhadap ubat ini atau mana-mana bahan-bahan lain dalam PAMECIL serta ubat antibiotik beta-laktam yang lain (cth. penisilin atau cephalosporins)

### - Sebelum menggunakan PAMECIL

Ambil perhatian khas ketika menggunakan PAMECIL dan beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- alah kepada antibiotic beta-laktam
- mempunyai gangguan darah
- mempunyai masalah buah pinggang
- menghidap demam kelenjar atau leukemia

### *Kehamilan dan penyusuan*

Jangan mengambil PAMECIL jika anda mengandung, sedang cuba untuk hamil atau mengesyaki anda mungkin hamil. Sekiranya anda hamil ketika mengambil PAMECIL, hentikan segera dan hubungi doktor anda.

Jangan gunakan PAMECIL jika anda menyusu. Rujuk doktor anda sebelum mengambil kapsul kerana ampicillin dijumpai dalam susu dalam jumlah yang kecil.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubatan yang diperoleh tanpa preskripsi, ubat-ubatan herba dan komplementari. Ia adalah penting untuk memberitahu doktor anda sedang mengambil:

- antibiotik yang lain seperti chloramphenicol, tetracyclines, erythromycins atau sulphonomides
- allopurinol (ubat gout)
- probenecid (ubat gout)

Penting: Kontraseptif oral boleh menjadi kurang berkesan apabila diambil bersama ampicillin. Untuk mengelakkan kehamilan yang tidak diingini, anda harus menggunakan kondom semasa anda mengambil PAMECIL dan sekurang-kurangnya 7 hari selepas rawatan berakhir.

## Cara menggunakan PAMECIL

### - Berapa banyak harus digunakan

Dos dewasa & warga tua

*Jangkitan telinga, hidung, tekak, saluran pernafasan:* 250mg empat kali sehari

*Pneumonia:* 500mg empat kali sehari

*Jangkitan saluran kencing:* 500mg tiga kali sehari

*Jangkitan saluran pemakanan:* 500-750mg tiga hingga empat kali sehari

*Jangkitan enterik:* Akut: 1-2g empat kali sehari selama dua minggu. Pembawa: 1-2g empat kali sehari selama empat hingga dua belas minggu.

*Gonorea:* 2g secara oral dengan 1g probenecid sebagai satu dos.

Untuk kanak-kanak berumur kurang daripada 10 tahun

Dos rutin adalah separuh dos dewasa. Dalam jangkitan yang teruk dos mungkin lebih.

Kemungkinan terdapat penurunan dos jika anda mengalami masalah buah pinggang yang serius

### - Bila perlu digunakan

Ambil PAMECIL sat jam sebelum makan atau semasa perut kosong

### - Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti mengambil PAMECIL kerana anda berasa lebih sihat. Ia adalah penting untuk mengambil ubat selagi doktor memberitahu anda, jika tidak masalah mungkin kembali.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil ubat, ambil secepat mungkin. Walau bagaimanapun, jika sudah hampir masa untuk dos seterusnya anda, langkau dos terlepas dan kembali ke jadual dos biasa anda. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

### - Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak dos daripada yang diperlukan, hubungi ahli farmasi atau doktor anda dengan segera. Sekiranya anda tidak boleh, pergi ke hospital terdekat anda. Sentiasa ambil bungkusan ubat dengan anda, supaya pihak hospital tahu apa yang telah diambil.

## Semasa menggunakan PAMECIL

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang telah diberitahu oleh doktor anda.

Beritahu doktor atau ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil PAMECIL.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda telah mengandung semasa mengambil ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali jika dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor anda.

Jangan berikan PAMECIL kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

*Memandu dan menggunakan mesin*

Periksa bagaimana PAMECIL mempengaruhi anda sebelum memandu atau mengendalikan mesin.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, PAMECIL kadang-kadang boleh menyebabkan kesan yang tidak diingini. Ini dipanggil kesan sampingan.

Ini termasuk:

- tindak balas alahan seperti ruam kulit, gatal yang teruk, bengkak pada muka dan lidah, sesak nafas
- darah dalam kencing, demam, jumlah kencing yang meningkat atau menurun
- Rasa sakit, muntah atau cirit-birit

# PAMECIL CAPSULES

Ampicillin trihydrate (250mg, 500mg)

---

- Kekuningan putih mata atau kulit

Jika anda mendapati apa-apa kesan sampingan yang tidak disebutkan dalam risalah ini, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi. Jangan bimbang tentang senarai ini; anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

## Cara penyimpanan dan pelupusan PAMECIL

### - *Penyimpanan*

Jauhkan ubat-ubatan daripada kanak-kanak

Simpan ubat di bawah 30°C, dalam bungkusan asal

### - *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui sisa buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda untuk cara melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - *Rupa dan warna produk*

PAMECIL 250mg – kapsul gelatin keras berwarna hitam-merah terang, saiz “2”

PAMECIL 500mg - kapsul gelatin keras berwarna hitam-merah terang, saiz “0”, berbentuk panjang

### - *Bahan-bahan kandungan*

#### - *Bahan aktif*

Bahan aktif adalah ampicillin trihydrate

#### - *Bahan tidak aktif*

Magnesium stearate

### - *Nombor MAL:*

PAMECIL 250mg            Kapsul  
MAL19860391AZ

PAMECIL 500mg            Kapsul  
MAL19860396AZ

## Pengilang

MEDOCHEMIE LTD., Factory B, 48 lapetou Street, Agious Athanassios Industril Area, 4101 Agios Athanassios, Limassol, Cyprus

## Pemegang Pendaftaran Produk

KOMEDIC SDN BHD

4, Jalan PJS 11/14, Bandar Sunway,  
46150 Petaling Jaya, Selangor DE.

## Tarikh kemaskini RiMUP

16/12/2021

## Nombor Siri

NPRA (R2/1)210114/600